



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN.5/76/31(PM)

EMBARGO: Tidak
boleh
disiarkan
sebelum
pukul
10.30 pagi
pada
8.5.1976

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PEMANGKU PRESIDEN UMNO SEMASA
MERESMIKAN SEMINAR EKONOMI UMNO
MALAYSIA DI DEWAN TUNKU ABDUL
RAHMAN, JALAN AMPANG, KUALA
LUMPUR, PADA HARI SABTU, 8HB.
MEI, 1976 JAM 9.30 PAGI

Saudara Pengerusi,
Saudara Pengerusi Biro Ekonomi UMNO,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO,
Para perwakilan dan saudara-saudara sekalian.

Seminar Ekonomi yang bermula pada hari ini adalah julung kali diadakan oleh UMNO Malaysia, dalam sejarahnya. Seminar ini diadakan dengan tujuan menghimpunkan fikiran dan pendapat ahli-ahli UMNO mengenai rancangan pembangunan negara, khususnya meninjau kembali pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua yang diharap boleh memberikan garis panduan kepada Kerajaan dalam melaksanakan rancangan pembangunan selanjutnya.

2. Seminar ini juga dilangsungkan pada ketika ahli-ahli UMNO di seluruh pelusuk tanah air bersiap merayakan 30 tahun perjuangannya. Oleh yang demikian, saya bersyukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapat saya hadir bersama saudara-saudara sekalian pada hari ini untuk meresmikan Seminar yang penting ini.

3. Saya ingin mengambil peluang ini mengalu-alukan kedatangan para perwakilan sekalian, dari jauh dan dekat, yang telah menyambut cadangan Ibu Pejabat mengadakan Seminar ini dengan penuh minat dan semangat, sekalipun masa yang diberikan sangat suntuk.

4. Begitu juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terimakasih kepada Jawatankuasa Penyelenggara Seminar ini, di bawah pimpinan YBM Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Biro Ekonomi UMNO, yang telah menyediakan kertas kerja yang lengkap sebagai bahan perbahasan selama dua hari ini, di samping mengadakan persiapan untuk peserta-peserta sekalian.

Saudara-saudara sekalian,

5. Boleh juga saya katakan, seminar ini merupakan satu pendekatan atau approach baru bagi Parti, dalam hubungannya dengan Kerajaan kita, untuk mendengar dan mengetahui segala bisikan hati rakyat terhadap rancangan pembangunan Kerajaan. Oleh itu, saya berharap semua pendapat, pandangan dan ulasan yang disuarakan oleh pemimpin parti di semua peringkat akan dapat difahami dan diambil perhatian oleh Menteri-Menteri dan Pegawai-pegawai Kerajaan, khasnya para perancang dan lain-lain bahagian jentera Kerajaan yang terlibat dengan gerakan pembangunan. Dalam sistem Kerajaan berparti, pada hemat saya, hubungan seperti ini sangatlah baik dan bermanfaat, terutama dalam usaha kita memenuhi hasrat rakyat Bumiputra.

6. Di masa yang lepas, rancangan pembangunan Kerajaan umumnya dirangka dan diselaraskan oleh jentera Kerajaan, berdasarkan kepada data dan maklumat yang dikumpulkan dari peringkat daerah dan negeri dan kemudiannya rancangan ini dinilai mengikut keperluan politik, ekonomi dan sosial, sebelum diterima dan dilaksanakan sebagai projek Kerajaan.

7. Di masa akan datang, adalah diharapkan selain daripada usaha Kerajaan yang menentukan sesuatu projek berasaskan pendapat dan meliputi kehendak rakyat, pihak UMNO juga diperlukan untuk menentukan garis panduan terhadap rancangan pembangunan itu. Semua rancangan pembangunan ini akan disusun, diselaras dan disesuaikan dengan Dasar Ekonomi Baru, menuju matlamat perpaduan rakyat dan ketahanan nasional.

8. Di samping itu, Seminar ini bertujuan hendak melibatkan rakyat, menerusi saluran parti, dalam semua usaha Kerajaan supaya penyertaan rakyat dalam melaksanakan projek-projek pembangunan Kerajaan benar-benar tercapai dan bermakna. Di masa lepas, didapati penyertaan rakyat dalam rancangan pembangunan adalah agak kurang dari kadar yang dijangkakan. Mungkin ini disebabkan oleh kurangnya usaha kita terutama dari segi Parti terhadap itu. Ataupun, mungkin disebabkan oleh sikap manja orang-orang kita sendiri.

9. Oleh yang demikian, terjadilah apa yang berlaku bahawa rakyat itu hanya tahu meminta dan menerima sahaja, manakala pihak

Kerajaan memberi. Keadaan demikian, khususnya pada peringkat bawah seperti di kampung-kampung, tentulah tidak harus dibiarkan kerana, pada hemat saya, rakyat sendiri patut sedar dan menyertai sebarang rancangan yang dibuat untuk membawa manfaat dan berguna kepada mereka sendiri. Dalam hubungan ini, semangat gotong royong, jaya diri dan berdikari hendaklah sentiasa dipupuk dan dikukuhkan.

Saudara-saudara sekalian,

10. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua berbagai-bagai projek telah dijalankan oleh Kerajaan dalam semua bidang. Penilaian yang detail mengenai kadar pencapaian hasil projek tersebut sedang dibuat dan akan diumumkan kepada orang ramai kelak. Pendapat dan kesimpulan yang diterima, pada peringkat ini, menunjukkan bahawa pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Kedua, dalam beberapa bidang, adalah tepat dengan apa yang dijangka. Tetapi, di dalam beberapa sektor lain, pencapaiannya kurang daripada target atau matlamat yang diharapkan.
11. Secara ringkas, memang banyak kemajuan telah dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua untuk menguatkan asas bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan membetulkan keadaan tidak seimbang di kalangan kaum, dalam semua sektor ekonomi.
12. Dari segi kadar tambahan pendapatan, didapati perkembangan sebanyak 7.4% setahun, walaupun negara menghadapi keadaan melesot atau recession dalam tahun 1975. Memandang bahawa keadaan ekonomi merosot teruk dalam tahun lepas, perkembangan pada keseluruhannya sebanyak 7.4% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua itu bolehlah dianggap memuaskan jika dibandingkan dengan perkembangan sebanyak 6% setahun, dalam tahun-tahun awal enam puluhan dulu. Pendapatan sebenar rakyat per kapita, bertambah sebanyak 3% setahun, dalam tempoh Rancangan itu.
13. Perkembangan yang terbesar terdapat dalam bidang awam. Dalam hubungan ini, perbelanjaan dan pelaburan awam berkembang di antara 9% hingga 18%, sementara perbelanjaan pembangunan awam dianggarkan berjumlah 9.8 billion ringgit atau lebih 11% daripada Keluaran Kasar Negara.



~~4. Sektor perkilangan dan pembinaan mencapai~~
diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia
perkembangan pesat, iaitu masing-masing sebanyak 11% dan 8%.

Pada hakikatnya, sektor perkilangan merupakan unsur yang paling dinamik dalam perkembangan ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan ini, bidang pertanian juga berkembang sebanyak 6%, khasnya penanaman kelapa sawit, yang bertambah tiga kali ganda. Penanaman padi yang bertambah antara 5% hingga 6% setahun telah menunjukkan pertumbuhannya sebanyak 2.8% setahun.

15. Pertambahan pengeluaran kelapa sawit dan padi, adalah hasil dari langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan dalam bidang pembangunan tanah dan juga jaminan harga yang lebih baik yang diberi kepada penanam padi. Jaminan harga tinggi ini naik bertambah sebanyak 75%, mengikut kadar nominal dan 23% mengikut kadar sebenarnya, antara tahun 1970 - 1975. Dari segi ini, petani mendapat faedah yang besar.

Saudara-saudara sekalian,

16. Kadar pertambahan pekerjaan pula bertambah sebanyak 3.3% setahun dengan menghasilkan sebanyak lebih 588 ribu pekerjaan baru. Jumlah ini kurang sedikit daripada matlamat pekerjaan baru yang dianggarkan. Kekurangan ini adalah akibat kemerosotan ekonomi pada peringkat akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Bagaimanapun, dengan bertambahnya peluang pekerjaan baru itu, kadar pengangguran telah turun sedikit daripada 7.4% dalam tahun 1970, menjadi 7% dalam tahun 1975. Dari segi bilangan, hampir 300 ribu orang masih lagi menganggor dalam tahun 1975. Angka ini termasuk mereka yang hilang pekerjaan akibat recession. Keadaan pengangguran ini tidak tenat sekiranya rakyat tidak berhijrah ke bandar-bandar dan sebaliknya sanggup bertani dan tidak memilih kerja.

17. Sektor perkilangan telah memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan, iaitu sebanyak 150 ribu pekerjaan baru telah diadakan antara tahun 1970 hingga 1974. Ini bermakna, bahawa bagi tiap-tiap empat pekerjaan baru, satu adalah dalam sektor perkilangan.

18. Perkembangan ekonomi dan pertambahan pendapat yang agak baik ini, nyata telah mengurangkan kadar kemiskinan daripada



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

49% kepada 43% dalam tahun 1975. Dalam konteks ini, kemiskinan ditakrifkan sebagai pendapat perseorangan sebanyak \$33, atau \$180 sekeluarga dalam sebulan. Kadar kemiskinan di kalangan penanam padi, pekebun kecil getah, nelayan, pekebun kecil kelapa, pekerja ladang adalah lebih tinggi daripada masyarakat bandar di seluruh negara, iaitu hampir 69% dalam tahun 1970. Tetapi dengan bertambahnya daya pengeluaran tanaman dan harga padi khususnya, punca kemiskinan, pada keseluruhannya, telah berkurangan. Bagaimanapun, kadar kemiskinan yang tinggi ini adalah seperkara yang menjadi objektif utama kita membasminya menerusi rancangan pembangunan negara.

Saudara-saudara sekalian,

19. Dalam tahun 1970 - 1975, kedudukan peluang pekerjaan di kalangan Bumiputra dan bukan Bumiputra bertambah baik. Pekerjaan untuk Bumiputra bertambah dari 29% kepada 33% dalam sektor perkilangan, sementara bidang perdagangan telah bertambah dari 23.5% kepada 34%. Begitu juga jumlah pekerjaan dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan dan pengangkutan juga bertambah.

19A. Walaupun kadar tambahan ekonomi agak memuaskan, masih banyak yang patut dilakukan terutama dalam usaha menempatkan Bumiputra dalam sektor perindustrian di peringkat yang tinggi seperti eksekutif dan pengurusan. Ini bukanlah masalah Kerajaan semata-mata tetapi masalah am yang kita hadapi bersama.

20. Dari segi menyusun semula hak milik modal dalam syarikat-syarikat berhad atau equity participation, kadar saham modal Bumiputra, bertambah daripada 3.1% dalam tahun 1970 kepada 7% dalam tahun 1973. Perangkaan terakhir sehingga tahun lepas menunjukkan bahawa matlamat sebanyak 9% yang dijangkakan sehingga tahun 1975 boleh dicapai.

21. Pada keseluruhannya, boleh dikatakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, kemajuan dari segi pertumbuhan pendapatan, jumlah pekerjaan dan lebih-lebih lagi usaha menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, nyata beransur-ansur mencapai matlamatnya.

Tetapi banyak lagi yang patut dilakukan. Dalam hubungan inilah Kerajaan berazam hendak meneruskan usahanya dengan lebih gigih untuk mengatasi masalah kemiskinan tanpa mengira kaum khususnya di kalangan penduduk-luar bandar yang kadarnya masih tinggi. Begitu juga usaha menyusun semula masyarakat bagi membolehkan Bumiputra mengambil bahagian cergas dalam bidang perdagangan dan perindustrian, akan terus dipergiatkan. Dalam hal ini, keazaman dan kegiatan Kerajaan hendaklah digabungkan dengan kesedaran dan inisiatif kaum Bumiputra sendiri.

22. Dalam pada itu, saudara-saudara, elok juga saya terangkan sedikit, kejayaan yang dicapai dalam beberapa bidang pembangunan, di mana Kerajaan telah membelanjakan wang yang besar.

23. Dari segi pembangunan physical, kejayaan dibidang pembangunan tanah amat menggalakkan. Lebih sejuta ekar telah dimajukan dalam tahun 1970-1975. Sebahagian besar daripadanya di Semenanjung Malaysia. FELDA sahaja, umpamanya, telah memajukan lebih 400 ribu ekar dan menempatkan 12,500 keluarga. Lain-lain agensi kemajuan tanah, seperti FELCRA, Sabah Land Board dan Sarawak Land Board telah menempatkan 25 ribu keluarga, yang menjadikan kesemuanya 37 ribu keluarga ditempatkan dalam tempoh Rancangan itu.

24. Penanaman semula getah, yang merupakan satu-satunya punca menambah pendapatan rakyat desa, didapati memuaskan. Hampir 450 ribu ekar telah di tanam semula, jika dibandingkan dengan 319 ribu ekar dalam Rancangan Malaysia Pertama. Sungguhpun begitu, kadar penanaman semula getah tidak sampai kepada matlamat 100,000 ekar setahun oleh kerana mutu tanaman yang rendah dan sebab-sebab lain.

25. Kejayaan yang dicapai dalam usaha mengurangkan kemiskinan di kalangan penanam padi, pekebun kecil getah, nelayan adalah hasil dari segala rancangan yang telah dijalankan dalam tahun-tahun enam puluhan. Tetapi pada keseluruhannya, langkah-langkah memajukan kaum nelayan belumlah begitu memuaskan. Pendapatan sebenar yang didapati oleh pekebun kecil dan petani akan lebih tinggi kalau tidak kerana keadaan ekonomi dunia yang merosot dalam tahun 1975. Kerajaan percaya langkah-langkah yang diambil dalam Rancangan Malaysia Kedua akan memberi kesan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.



26.

Bagaimanapun, usaha-usaha yang lebih tersusun akan dijalankan

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

untuk mengadakan Rancangan-Rancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah kemiskinan desa, terutama pekebun kecil kelapa, penanam padi, nelayan dan pekerja yang tidak bertanah dikampung-kampung baru dan pekerja-pekerja di luar kawasan pertanian.

Saudara-saudara sekalian,

27. Saya sukacita bahawa semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru, penyertaan kaum Bumiputra di bidang perdagangan, perindustrian, pengangkutan dan pelajaran amat menggalakkan. Dasar ini merupakan saluran bagi rakyat, khasnya Bumiputra menuju ke beberapa bidang perniagaan yang boleh membawa hasil yang lebih tinggi. Ekoran dari dasar ini telah mewujudkan sebilangan anak-anak kita menjadi kumpulan usahawan atau entrepreneur terutama dalam bidang pengurusan dan professional, di samping mendorong kaum Bumiputra secara aktif menyertai bidang swasta.

28. Semangat kesedaran anak-anak kita di dalam bidang perusahaan dan perindustrian telah wujud sejak tahun 1960an lagi, tetapi kesedaran tersebut mula meluas dan menjadi lebih aktif di awal tahun 1970 an, iaitu ketika Dasar Ekonomi Baru dilancarkan. Kepesatan perkembangan di bidang perniagaan ini jelas sekali. Umpamanya, jumlah peniaga Bumiputra yang berdaftar pada tahun 1971 bagi Semenanjung Malaysia, ialah 24,549 dan akhir tahun 1975 sebanyak 65,275 orang.

29. Dari segi kemudahan pelajaran, terutama di kawasan luar bandar, banyak sekolah aliran sains telah dibina dan ini telah melahirkan ramai Bumiputra mendapat pelajaran sains. Demikian juga halnya dalam bidang pelajaran peringkat Universiti di mana bilangan pelajar-pelajar kita telah meningkat sebanyak 50% hampir dalam semua jurusan.

30. Walaupun penyertaan kaum Bumiputra agak menggalakkan dan kemudahan yang diberikan sudah banyak, tetapi apa yang mendukacitakan ialah terdapat setengah golongan tertentu yang telah menyalahgunakan segala kemudahan ini untuk kepentingan diri sendiri. Umpamanya, terdapat banyak permit teksi dan lori yang diberikan kepada Bumiputra dipajakan. Pinjaman yang diberikan oleh agensi Kerajaan untuk usaha membangunkan perniagaan tidak dibayar kembali. Malahan, wang pinjaman tersebut telah digunakan untuk perkara lain seperti rumah dan barang hiasan yang tidak ada kaitannya dengan usaha-usaha perniagaan.

Saudara-saudara sekalian,

31. Dari kenyataan dan angka-angka yang saya sebutkan tadi, nyatalah sehingga tahun 1975, iaitu tahun akhir Rancangan Malaysia Kedua, kejayaan yang dicapai dalam memenuhi matalamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan/^{tanpa mengira kaum} dan menyusun semula masyarakat telah meninggalkan kesan yang nyata walaupun kelancaran pelaksanaannya telah terjejas sedikit disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dan faktor-faktor lain yang di luar dugaan.

32. Bagaimanapun, kita bersyukur kerana sudah nampak tanda-tanda keadaan ekonomi dunia akan bertambah baik yang sudah tentu akan menghasilkan kedudukan kewangan negara yang lebih sihat, terutama dari hasil bahan-bahan eksport kita. Dengan itu kita berharap akan membolehkan kita mengadakan peruntukan yang lebih banyak kepada beberapa projek yang memerlukan perbelanjaan besar.

Saudara-saudara sekalian,

33. Dalam rancangan Malaysia Ketiga kelak, tumpuan yang berat semula dari segi peruntukan kewangan dan lain-lainnya akan diberi terhadap menepati matalamat membasmi kemiskinan terutama di kawasan-kawasan mundur seperti di Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis dan juga di beberapa kawasan yang kurang maju di negeri lain supaya kemajuan kawasan itu berjalan dengan lebih seronok.

34. Dari segi menyusun semula masyarakat, agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun setakat ini telah mula meletakkan asas kejayaan terhadap tujuan itu. Tetapi banyak lagi usaha harus dijalankan bagi mempercepatkan tercapainya matalamat ini sepenuhnya.

35. Dalam hubungan ini, saya suka sekali lagi menggesa agensi dan badan-badan Kerajaan seperti MARA, UDA, MIDF, LPP dan SEDC supaya menjalankan kegiatan dengan lebih giat lagi. Mereka juga hendaklah memberi perhatian berat melaksanakan projek-projek yang betul-betul dapat membantu rakyat secara langsung, terutama menggalakkan kaum Bumiputra mengambil bahagian cergas dalam perniagaan dan perusahaan dan dalam usaha mengumpulkan milik harta yang lebih besar bagi kaum Bumiputra. Langkah-langkah menjualkan saham syarikat anak yang maju di bawah kelolaan badan-badan ini, hendaklah dipercepatkan. Setakat ini Bank Bumiputra sedang mengambil tindakan ke arah ini.


36. Begitu juga, adalah menjadi harapan kita bersama agar setiap pegawai badan-badan Kerajaan ini menjalankan tugas mereka dengan jujur serta berdedikasi dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang boleh menjadi sasaran kecaman orang ramai dan melemahkan pandangan rakyat khasnya Bumiputra terhadap mereka. Sejauh mana kaum Bumiputra dapat berkecimpung dalam bidang perniagaan dan perusahaan, banyak bergantung kepada kegiatan badan-badan ini kerana mereka merupakan daya penggerak, pendorong dan pemimpin ke arah mencapai matalamat itu.

Saudara-saudara sekalian,

37. Tidak kurang pentingnya dalam usaha mencapai kedua-dua matalamat Dasar Ekonomi Baru ini ialah kecekapan jentera Kerajaan sendiri dan sikap pegawai di semua peringkat. Saya telah mengarahkan semua Jabatan Kerajaan supaya memperkemaskan perjalanan jentera masing-masing bagi menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga. Begitu juga, Kementerian dan Jabatan telah diarah supaya menyediakan rancangan-rancangan yang lebih berkesan dalam tempoh Rancangan ini dan membaiki jentera persiapan serta meningkatkan kebolehan melaksanakan semua projek melalui skim-skim latihan bagi kakitangan yang cukup.

38. Semua pegawai Kerajaan perlulah mempunyai sikap yang positif dan berkhidmat dengan penuh rasa tanggungjawab dan commitment terhadap pembangunan negara. Pegawai-pegawai Kerajaan, terutama mereka yang terlibat secara langsung dengan projek pembangunan, di peringkat bawah, hendaklah bersedia membantu rakyat mengatasi masalah dan kesulitan yang mereka hadapi serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar supaya mereka sentiasa mempunyai pandangan yang baik terhadap Kerajaan. Tugas utama mereka hendaklah menggalakkan rakyat dengan menyebarkan penerangan yang mustahak berkenaan sesuatu projek pembangunan di kawasan mereka supaya mereka dapat mengabdikan bahagian cergas dalam menjayakan sesuatu projek itu.

39. Sektor swasta hendaklah juga memainkan peranan mereka terutama membimbing kaum Bumiputra dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Kesedaran dan commitment mereka terhadap usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru adalah faktor yang amat penting. Sekiranya mereka sengaja menyeleweng dan tidak memberi kerjasama memikul tanggungjawab tetapi hanya menikmati



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

kemakmuran dan keuntungan saja, saya bimbang akan melambatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Ini samalah seperti memasang bom-jangka (time bomb) yang pasti akan meletup sekiranya aspirasi dan harapan rakyat tidak dipenuhi pada jangka masa yang ditentukan.

40. Oleh itu rakyat dari semua kaum, golongan dan peringkat tidaklah sepatutnya mempersoalkan tujuan baik dan hakikat politik jangka panjang di sebalik Dasar Ekonomi Baru itu tetapi hendaklah menunjukkan persefahaman serta kerjasama dan sokongan bagi menjamin kejayaannya.

41. Pemimpin yang ada sekarang ingin mewariskan kepada jenerasi akan datang sebuah negara Malaysia yang aman, makmur dan bersatu padu. Kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah asas yang kukuh ke arah memenuhi matalamat itu. Adalah menjadi tugas dan kewajipan seluruh rakyat terutama Parti kita menentukan supaya Dasar Ekonomi Baru mencapai kejayaan seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian,

42. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Rancangan Pembangunan Kerajaan di masa yang lepas hanya diukur dari jumlah peruntukan kewangan yang diberikan. Demikian juga rancangan pembangunan itu didasarkan kepada jumlah projek yang diadakan. Daripada kaca mata pakar ekonomi pula, kejayaan rancangan pembangunan dititikberatkan kepada soal pencapaian GNP dan juga kadar pertumbuhan ekonomi daripada setahun ke setahun. Ini merupakan pendapat yang sering diutarakan oleh pakar-pakar ekonomi dan juga pihak yang merancang rancangan pembangunan itu. Tetapi ada juga pendapat yang mengatakan bahawa nilai hasil pembangunan itu jangan semata-mata dinilai dari segi jumlah peruntukan wang atau kadar pertumbuhan ekonomi dan juga peratus daripada pendapatan rakyat purata, tetapi hendaklah diukur dari nikmat dan kebajikan yang dirasakan langsung oleh rakyat.

43. Seringkali juga disebutkan bahawa sekalipun negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain, tetapi hakikat yang nyata ialah bahawa rakyat kita di kampung-kampung, di desa-desa dan nelayan pantai masih tinggal dalam keadaan hidup mereka yang tidak jauh berubah dari keadaan nenek moyang mereka dahulu. Nyatalah bahawa apa yang didakwa sebagai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan sebagainya tidak dirasakan dan tidak sampai kepada rakyat miskin terbanyak.



44. Masalah inilah, saudara-saudara, kita sebagai pemimpin parti, harus memberikan perhatian berat supaya kita bersama-sama dengan Kerajaan menentukan bahawa hasil segala pembangunan itu dirasakan oleh golongan rakyat yang terbanyak.
45. Sebagai pemimpin parti yang memerintah, tidaklah wajar bagi kita yang mendukung semangat perjuangan dan bertanggungjawab pula menentukan pencapaian matalamat pembangunan Kerajaan menyerahkan tugas itu bulat-bulat kepada Kerajaan sahaja.
46. Sebagai pemimpin UMNO, khasnya di peringkat negeri dan juga daerah, kita seharusnya memainkan peranan yang bukan sahaja setakat memerhati dan melihat, tetapi benar-benar mengambil tahu dan memberikan sebarang pendapat kepada pihak Kerajaan. Dengan cara inilah sahaja, saya percaya, hubungan di antara kita sebagai pemegang amanah rakyat dengan pihak Kerajaan akan dipereratkan dan dikukuhkan pada setiap masa.
47. Dalam masalah mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru ini, walaupun terdapat banyak kejayaan tetapi rakyat masih tidak berpuas hati dengan hasil yang telah dicapai selama lima tahun yang lalu. Saya sedar masih banyak lagi kelemahan dari segi perancangan terutama sekali di dalam mengadakan perimbangan projek-projek bagi kawasan-kawasan mundur seperti di Kedah, Perlis, Pahang, Trengganu dan Kelantan.
48. Sebagai sebuah parti politik yang utama di dalam Kerajaan Barisan Nasional, ahli-ahli kita mustahak tahu langkah-langkah Kerajaan di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Kejayaan yang diharap dapat dicapai dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan mencerminkan hasrat parti dan juga Kerajaan untuk membantu kaum Bumiputra, meninggikan lagi taraf pendapatan dan dayausaha dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Dalam perkara ini juga kaum Bumiputra yang sudah maju di dalam bidang perdagangan dan perusahaan, hendaklah memberi bimbingan kepada golongan Bumiputra yang masih di peringkat permulaan dan baru menceburkan diri dalam bidang ekonomi modern. Ini merupakan bukan sahaja satu tugas, tetapi sumbangan kaum Bumiputra yang berkemampuan yang dapat juga mengurangkan jurang perbezaan pendapatan, pengetahuan dan sebagainya dalam bidang ini.

49. Saya ingin menegaskan lagi iaitu matalamat akhir Dasar Ekonomi Baru ialah menjamin kestabilan dan perpaduan yang lebih kekal dan kukuh di kalangan rakyat. Dasar Ekonomi Baru mungkin dianggap sebagai menguntungkan suatu kaum sahaja tetapi sebenarnya semua kaum di negara ini menikmati faedah dari rancangan-rancangan yang dijalankan di bawah Dasar ini.

50. Bagaimanapun, yang penting ialah Dasar Ekonomi Baru adalah satu-satunya konsep adil dan positif yang telah diterima oleh rakyat untuk menyelesaikan masalah masyarakat berbilang bangsa khususnya dalam bidang ekonomi dan sosial negara kita. Tidak ada alternative atau pilihan lain yang lebih baik dari Dasar ini.

51. Bagaimanapun, satu rintangan yang kita hadapi dalam proses melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ialah masalah keselamatan yang memerlukan bukan saja perbelanjaan besar diuntukkan ke arah mengatasinya bahkan rancangan pembangunan juga harus disesuaikan dengan usaha-usaha keselamatan. Rancangan-rancangan yang menolong mengatasi masalah keselamatan terutama di kawasan-kawasan sensitif akan diberi keutamaan.

52. Peristiwa yang berlaku akhir-akhir ini di Gubir, Kedah, jelas membuktikan bahawa pengganas komunis akan terus menimbulkan kecamuk bilau di negara kita. Sebagaimana yang selalu saya tegaskan, soal keselamatan tidak boleh diserahkan kepada Kerajaan atau pasukan keselamatan semata-mata. Rakyat haruslah bersama-sama memainkan peranan mereka masing-masing supaya keamanan dan ketenteraman dapat dikekalkan, lebih-lebih lagi dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga di mana kita perlukan banyak tenaga dan kewangan untuk menjayakannya.

53. Itulah sebabnya, pada hemat saya, pengganas-pengganas komunis ini bermati-matian mencuba mengkhianati rancangan-rancangan pembangunan ekonomi kita, terutama di kawasan-kawasan sempadan supaya rancangan-rancangan itu tergendala. Masalah keselamatan ini memanglah tidak boleh dipisahkan dengan pelaksanaan rancangan pembangunan. Seperti saya seringkali nyatakan bahawa tidak ada maknanya kemewahan atau kemakmuran kalau tidak ada keamanan dan ketenteraman.

Saudara-saudara sekalian,

54. Saya telah menghurai dengan panjang lebar tadi tentang kedudukan ekonomi negara, langkah-langkah yang telah diambil serta masalah yang kita hadapi dalam mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru. Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan berazam untuk memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat dengan segala dayanya walaupun terpaksa menghadapi cabaran dan rintangan. Matalamat akhir kita ialah hendak membina sebuah negara yang maju, makmur dan bersatu padu.

55. Saya berharap rakyat dari semua kaum dan golongan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakannya akan memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya.

56. Dengan harapan inilah, saya dengan amat sukacitanya meresmikan Seminar Ekonomi UMNO ini dan mendoakan ia berjaya.

KUALA LUMPUR,
7hb Mei, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 6.30 petang)

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



- JUN 1976



No. Siri	187
No Penerimaan	10/76